
••••• **MUL TI WARISAN UNIK** •••••



PENYUSUN :
*Mohd Zahari Ishak
Zabri Zakaria*



PENERBIT PINANG SDN. BHD.

Penerbit Pinang Sdn. Bhd.
No. 76, Jalan 2/133,
Batu 6 1/2, Jalan Klang Lama,
58000 Kuala Lumpur.
Tel : 03 - 7788 5001
Fax : 03 - 7788 5001

© Penerbit Pinang Sdn. Bhd.
Cetakan Pertama 2000

Semua hak cipta terpelihara. Sebarang bagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran, ataupun sebaliknya tanpa izin yang bertulis terlebih dahulu daripada Penerbit Pinang Sdn. Bhd.

ISBN 983 - 055 - 339 - 6 (SIRI)
983 - 055 - 337 - X

M
330
AGI
f

M
992423

Dicetak oleh:
Pencetakan dan Perniagaan Berlian Sdn. Bhd. (107320-V)
No. 3, Jalan SR 3/6, Taman Serdang Raya,
Seksyen 3, 43300 Seri Kembangan,
Selangor Darul Ehsan,

17 APR 2000
Perpustakaan Negara
Malaysia

KANDUNGAN

- Bab 1 : Melaka Pusat Dagangan
- Bab 2 : Ekonomi Masyarakat Melayu
- Bab 3 : Ekonomi Masyarakat Cina
- Bab 4 : Ekonomi Masyarakat India
- Bab 5 : Ekonomi Masyarakat Sabah & Sarawak
- Bab 6 : Masyarakat Majmuk
- Bab 7 : Perkembangan Ekonomi Singapura
- Bab 8 : Pengangkutan Penggerak Ekonomi
- Bab 9 : Rancangan Malaya 1 & 2
- Bab 10 : Ekonomi & Perkembangan Bandar
- Glosari
- Soalan

BAB

I



Raja dan pembesar berperanan memajukan Melaka

Melaka Pusat Dagangan

Melaka merupakan negeri di Tanah Melayu yang terkenal suatu ketika dahulu. Namanya amat masyhur terutamanya di seluruh Asia Tenggara.

Kemasyhuran Melaka bukan sahaja terletak pada kestabilan politiknya tetapi juga kemajuan ekonomi.

Malah kemajuan ekonomi dikatakan faktor penting yang melonjakkan nama Melaka sebagai negeri yang terkenal.

Melaka dibuka oleh Parameswara. Beliau juga merupakan raja Melaka yang pertama. Selepas memeluk Islam, beliau

menggunakan gelaran Sultan Iskandar Syah. Beliau mengamalkan pemerintahan berdasarkan adat istiadat raja.

Kedudukan Melaka sebagai pusat perdagangan yang baik menjadikannya tumpuan para saudagar.

Saudagar Arab banyak singgah di Melaka. Mereka menamakan Melaka sebagai 'Malakat' yang bermaksud pasar.

Terdapat beberapa faktor yang menarik yang menyebabkan Parameswara membuka Melaka. Antaranya kedudukan Melaka sesuai untuk persinggahan pedagang. Melaka juga bebas daripada naungan Siam.

Kebanyakan orang laut menjadi pengikut setia Parameswara. Mereka menjalankan pelbagai kegiatan pertanian. Antara jenis pertanian yang dijalankan ialah padi. Ia hanya untuk keperluan sendiri.

Buah-buahan dan rempah ratus juga ditanam. Kebanyakan rempah ratus ditanam untuk perdagangan.

Kedudukan Melaka yang strategik menjadikannya pelabuhan persinggahan. Ramai pedagang yang berulang alik antara China dan India singgah di Melaka.

Di Melaka mereka akan menjual barang dan membeli barang. Mereka juga mendapat bekalan makanan dan minuman.

Selain itu Melaka terlindung dari

tiupan angin monsun. Terutamanya Angin Monsun Timur Laut dan Angin Monsun Barat Daya.

Melaka mempunyai pelabuhan semula jadi yang sesuai. Air lautnya dalam. Ini membolehkan kapal-kapal besar berlabuh.

Ia juga terletak di kawasan pengeluaran hasil-hasil Selat. Contohnya bijih timah dan rempah ratus. Bahan-bahan ini menjadi keperluan penting para pedagang asing.

Kedudukan Melaka juga adalah selamat. Bukit-bukit di sekitarnya dijadikan kubu semula jadi. Ia sebagai benteng pertahanan dari ancaman musuh.

Kediaman diraja didirikan atas bukit tersebut. Ini membolehkan baginda mengawasi perdagangan di Melaka.

Oleh itu tidak hairanlah Melaka menjadi pelabuhan entrepot yang terkenal. Lebih-lebih lagi di kawasan Asia Tenggara. Kegiatan membeli dan menjual barang berjalan dengan giat.

Pemerintahan Melaka memainkan peranan penting memajukan Melaka. Parameswara menubuhkan angkatan laut. Angkatan ini terdiri daripada orang-orang laut.

Angkatan ini bertujuan menjaga keselamatan pedagang dari ancaman lanun.

Di samping itu juga kerajaan Melaka membina tempat memperbaiki kapal. Ini amat menggembirakan pedagang. Kapal yang telah dibaiki memudahkan mereka belayar dengan selamat.

Kerajaan Melaka menjalankan hubungan baik dengan Siam. Ketika itu Siam merupakan kuasa terkuat. Hubungan ini menghalang Siam menakluki Melaka. Kerajaan Melaka juga menghantar utti kepada Siam.

Di samping itu Melaka juga mengadakan hubungan dengan China. Hubungan erat menyelamatkan Melaka daripada ancaman musuh. Jaminan China menyebabkan pedagang berasa selamat tinggal di Melaka.

China di bawah kerajaan Ming mengiktiraf Parameswara sebagai Raja


Melaka pada tahun 1405.

Hubungan erat antara Melaka dan China menggerunkan musuh-musuhnya. Contohnya kerajaan Srivijaya dan Siam. Mereka tidak berani menyerang Melaka lagi.

Pada tahun 1409, Laksamana Cheng Ho dan Ma Huan (juruba-hasanya) telah melawat Melaka. Lawatan itu telah mengeratkan hubungan antara dua negara.

Parameswara juga menghantar rombongan ke China. Hubungan dagang antara Melaka dan China diteruskan. Ini secara tidak langsung menjamin kemajuan Melaka.

Terdapat juga saudagar dari Jawa datang ke Melaka. Mereka menetap di Ilir. Manakala saudagar-saudagar dari Arab, China, dan



Kegiatan perniagaan di sebuah pasar kecil

Parsi tinggal di Upe.

Sementara itu, banyak orang-orang Cina membuka penempatan di sekitar Bukit Cina. Pedagang Gujerat dari India juga selalu datang ke Melaka.

Kegiatan perdagangan ini membawa kemakmuran dan kekayaan kepada Melaka. Ketika itu Melaka sungguh masyhur di seluruh dunia.

Orang Minangkabau juga melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi di Melaka. Mereka bertindak sebagai orang tengah.

Mereka menjual hasil-hasil hutan yang diperolehi daripada orang asli. Contohnya damar dan rotan.

Kemakmuran ini membuka peluang besar kepada penduduk Melaka. Malah kebanyakan daripada mereka melibatkan diri dalam perniagaan dan perdagangan.

BAB

2



Ekonomi Masyarakat Melayu

Masyarakat Melayu dahulukala banyak melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi sara diri. Kegiatan ekonomi utama ialah pertanian dan perikanan. Peralatan tradisional digunakan untuk menjalankan kegiatan ini.

Penanaman padi adalah kegiatan

utama pada zaman dahulu. Rata-rata penduduk dikatakan terlibat dalam kegiatan ini. Hasil yang diperolehi daripada pertanian digunakan untuk keperluan keluarga sahaja.

Terdapat dua jenis pertanian dijalankan. Pertanian tersebut ialah padi sawah dan padi bukit.

Padi sawah ditanam di kawasan rendah dan lembah sungai. Manakala padi bukit ditanam di kawasan bukit dan tanah tinggi. Padi bukit juga dipanggil padi huma.

Dataran Seberang Perai dan Perlis terkenal dengan tanaman padi. Di samping itu Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, dan Pahang turut ditanami padi.

Sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka, Kedah sudah terkenal dengan tanaman padi. Ketika itu, beras Kedah pernah dijual di Melaka.

Sebenarnya penanaman padi di Kedah dan Kelantan diperkenalkan oleh orang-orang Thai. Manakala padi di Pahang dan Negeri Sembilan diperkenalkan oleh orang Minangkabau.

Sebelum padi dituai, ia terpaksa melalui beberapa peringkat.

Peringkat pertama ialah membajak. Ia bertujuan untuk melembutkan tanah.

Pada zaman dahulu, orang menggunakan tenggala untuk membajak tanah. Sebaliknya pada zaman sekarang, jentera lebih banyak digunakan.

Setelah sawah dibajak, semaihan benih padi akan dilakukan. Benih padi disemai setelah direndam dalam air selama satu atau dua hari. Kemudian benih padi akan dipindahkan dari tapak semaihan ke bendang.

Apabila padi masak, penuaan akan dilakukan. Padi dituai menggunakan sabit atau pisau tuai. Kebanyakan padi dituai oleh kaum wanita. Sekarang tuaian padi juga menggunakan jentera.

Padi yang dituai akan dibanting. Kerja membanting padi akan dilakukan oleh orang-orang lelaki. Membanting ialah memisahkan bijian padi dari tangkainya.

Seterusnya proses mengangin dilakukan. Mengangin dilakukan untuk memisahkan biji padi daripada daun-daun kering dan habuk.

Bagi mendapatkan beras, biji padi akan ditumbuk menggunakan lesung kaki atau lesung tangan. Setengahnya menggunakan mesin kisaran.

Pokok padi akan tumbuh subur sekiranya terdapat air yang mencukupi. Oleh itu sistem pengairan dibina menuju ke sawah.

Antara sistem pengairan yang digunakan ialah empangan, kincir air, dan terusan.

Empangan dibuat dengan menyekat air sungai. Sekatan ini menggunakan pancang kayu dan ranting.

Kincir air dibuat daripada kayu. Ia diperkenalkan oleh orang Minangkabau. Terusan pula ialah saliran yang dibina dari sungai menuju ke sawah.

Salah satu terusan yang terkenal ialah Terusan Wan Mat Saman. Ia dibina di Kedah. Terusan ini dibina pada tahun 1885. Terusan itu bermula dari Alor Setar dan berakhir di Gurun.

Orang Melayu juga melibatkan diri dalam penanaman sayur dan pokok buah-buahan.

Bagi mendapatkan pendapatan sampingan, mereka membuat hasil kraftangan untuk dijual.

Perikanan juga salah satu daripada kegiatan ekonomi orang-orang Melayu dahulu. Biasanya kerja ini dilakukan oleh penduduk di kawasan pesisir pantai.

Masyarakat pantai timur menangkap ikan di laut antara bulan Mac hingga Oktober. Manakala bulan

November hingga Februari dikenali sebagai musim tengkujuh.

Pada musim tengkujuh, nelayan tidak dapat turun ke laut. Ketika ini ombak kuat dan berbahaya bagi nelayan.


Sebagai ganti turun ke laut, mereka akan menangkap ikan di tasik, sungai, dan sawah padi.

Masyarakat Melayu dahulu menangkap ikan menggunakan peralatan tradisional. Antaranya bубу, jala, jaring, kelong, dan lain-lain. Alat-alat ini digunakan untuk menangkap ikan di laut.

Jenis pukat yang digunakan ialah pukat tarik, pukat hanyut, pukat tangkul, dan pukat tunda.

Sementara di sungai dan tasik,

Peralatan tradisional untuk menangkap ikan



nelayan menggunakan pancing, jala, tangguk, dan lukah.

Perdagangan juga salah satu kegiatan ekonomi tradisional. Ia dikatakan bermula sejak zaman Melaka. Namun pada peringkat permulaan, sistem tukar barang dijalankan.

Apabila mata wang diperkenalkan, perdagangan menjadi semakin aktif.

Sebahagian perdagangan ketika itu dikuasai oleh golongan pembesar. Ini kerana mereka mempunyai modal dan berpengaruh.

Masyarakat Melayu juga terlibat dalam perlombongan. Namun begitu kegiatan ini hanyalah secara sambilan sahaja.

Bahan perlombongan yang utama ketika itu ialah bijih timah. Perlombongan hanya menggunakan kaedah mendulang.


Kawasan perlombongan terkenal ketika itu terletak di Manjung dan Bruas. Kedua-duanya terletak di Perak.

Seperti juga perdagangan, sebahagian besar kegiatan perlombongan dikuasai oleh golongan pembesar.

BAB

3

Masyarakat Cina mahir dalam perniagaan



Ekonomi Masyarakat Cina

Bijih timah terkenal di Tanah Melayu sejak zaman prasejarah. Ketika itu, bijih timah dibuat barang perunggu.

Bijih timah mula terkenal apabila dieksport ke India. Kemudian diikuti ke Arab, China, dan Portugal. Belanda juga cuba mememonopoli perusahaan bijih timah di Melaka.

Kegiatan melombong bijih timah merupakan perusahaan orang-orang Melayu sebelum kedatangan orang Cina. Perusahaan ini telah dilakukan sejak berkurun-kurun lamanya.

Orang-orang Melayu menggunakan cara melampam dan mendulang untuk mendapatkan bijih timah. Cara ini menghasilkan bijih timah yang sedikit.

Penghasilannya juga tidak tetap.

Ini kerana orang Melayu kurang berminat. Mereka menjadikan kerja ini sebagai sambilan sahaja. Mereka lebih menumpukan bidang pertanian. Orang Melayu juga lebih menumpukan kepada hasil hutan.

Ketika itu pemilik lombong terdiri daripada pembesar dan Sultan. Mereka mengupah rakyat mengerjakan lombong mereka.

Mulai tahun 1820-an, orang Cina mula melibatkan diri dalam perlombongan bijih timah. Pada peringkat permulaan, mereka hanyalah pekerja kepada pembesar Melayu.

Ketika itu juga dianggarkan 1200 pelombong Cina terdapat di Lukut. Di Sungai Ujong pula terdapat kira-kira 1000 orang Cina.

Pada tahun 1830-an, pengeluaran dan perdagangan bijih timah mula berubah. Saudagar-saudagar Negeri-negeri Selat mula memajakkan lombong-lombong daripada pembesar Melayu.

Cara ini secara tidak langsung membolehkan saudagar terus berurusan dengan pelombong Cina. Mereka mahukan bekalan bijih timah yang tetap. Akhirnya perusahaan bijih timah telah berkembang dengan begitu pesat.

Kemudian orang-orang Cina mula menguasai lombong bijih timah. Lombong bijih timah terawal milik

mereka terletak di Melaka, Lukut, dan Sungai Ujong.

Kuala Lumpur mula dijadikan pusat perdagangan bijih timah. Kawasannya terletak di Kanching, Ampang, dan Petaling. Ia dibuka oleh Sultan Abdul Samad.

Beberapa kapitan Cina berusaha memajukan Kuala Lumpur. Yap Ah Loy antara kapitan yang berusaha gigih memajukan Kuala Lumpur.

Ketika itu terdapat 100 buah lombong bijih di sekitar Kuala Lumpur. Penduduk Cina dianggarkan 10,000 orang.

Di Larut, Long Jaafar menjemput orang-orang Cina mengusahakan lombongnya. Dengan sokongan pemodal dari Pulau Pinang, beliau kemudian membuka lombong di Klian Pauh dan Klian Bharu.

Akibatnya penduduk Larut meningkat kepada 40,000 orang pada tahun 1872. Hasil perdagangan ialah sebanyak RM1 juta setahun.

Selepas kematian Long Jaafar, Ngah Ibrahim mengambil tempat. Beliau terus menggalakkan perusahaan bijih timah. Ngah Ibrahim dilantik Sultan sebagai Menteri Larut.

Kemudian Lembah Kinta muncul sebagai kawasan perlombongan terpenting. Pengeluarannya melebihi daripada kawasan lain.

Menjelang tahun 1889, terdapat

478 buah lombong di Lembah Kinta. Sebahagian besarnya dikuasai oleh pelombong Cina.

Orang Cina menggunakan kaedah yang berkesan untuk mendapatkan hasil yang banyak. Mereka menggunakan lombong pam dan lombong dedah. Untuk mengatasi banjir di lombong, mereka memperkenalkan roda air.

Pada tahun 1877, pam rantai telah dimodenkan dengan menggunakan enjin wap. Sebuah lombong Cina di Taiping menggunakan cara ini. Kemudian ia dicontohi oleh Yap Ah Loy di Kuala Lumpur.

Bagi pengusaha Cina yang mampu, mereka menggunakan kaedah lain. Mereka berlumba-lumba untuk meningkatkan hasil keluaran.

Kesannya Tanah Melayu telah muncul sebagai pengeluar bijih timah terbesar. Ia membekalkan lebih separuh bijih timah di dunia.

Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kejayaan pelombong Cina di Tanah Melayu. Antara faktor-faktor itu ialah:

1) Modal yang dikeluarkan oleh pelombong Cina adalah rendah. Namun mereka menggunakan tenaga buruh secara intensif.

2) Pengusaha Cina sangat peka terhadap perkembangan teknologi. Mereka akan menggunakan teknologi untuk meningkatkan pengeluaran bijih timah. Teknologi barat turut diterima oleh orang Cina.



Buruh-buruh Cina
diambil bekerja
di lombong

3) Pengusaha Cina berjaya mengawal kegiatan pelombong Cina. Ini terutamanya mengenai pengawalan pusat penjualan candu dan tempat perjudian.

Dengan ini adalah jelas yang orang Cina memainkan peranan penting dalam perusahaan bijih timah. Dua orang pengusaha Cina yang berjaya ialah Foo Choo di Perak dan Loke Yew di Selangor.

3) Kegagalan pengusaha Eropah mengimbangi kos dan hasil pengeluaran. Mereka membelanja modal untuk membeli jentera, membayar gaji, membina jalan raya, dan lain-lain lagi. Kesempatan ini diambil oleh pengusaha Cina meningkatkan kekayaan mereka.

BAB

4



Ekonomi Masyarakat India

Kedatangan orang India ke Tanah Melayu bermula sejak kurun ke-15 lagi. Kedatangan mereka pada waktu itu sebagai pedagang. Sesetengahnya pula terlibat dalam penyebaran ajaran Islam.

Apabila Negeri-negeri Selat ditubuhkan, ramai orang India dibawa

masuk. Ada di antara mereka yang menjadi askar. Setengah lagi datang terdiri daripada banduan dan buruh. Tujuan kedatangan mereka ialah membina jalan raya dan kemudahan awam.

Menjelang kurun ke-18, terdapat orang India bekerja sebagai kakitangan

kerajaan, doktor, dan guru.

Selepas campur tangan British di negeri Melayu, lebih ramai orang India dibawa masuk. Mereka bekerja sebagai pembina jalan raya dan landasan kereta api.

Perkembangan perusahaan getah menyebabkan ramai orang India datang ke Tanah Melayu. Mereka bekerja di ladang-ladang getah.

Penghijrahan masyarakat India semakin meningkat. Pada tahun 1910, lebih kurang 100,000 orang India terdapat di Tanah Melayu.

Terdapat pelbagai faktor menyebabkan orang India berminat datang ke Tanah Melayu. Antaranya keadaan ekonomi di India sendiri. Di negara mereka, kegiatan ekonominya kurang stabil. Kemiskinan terdapat di merata-rata tempat.

Mereka turut mengalami kesukaran hidup akibat bencana alam. Misalnya banjir besar dan kemarau panjang kerap berlaku.

Selain itu, pertambahan penduduk di India begitu ketara. Sebaliknya bahan-bahan makanan tidak bertambah. Bagi mengelakkan kebuluran, mereka berhijrah ke Tanah Melayu.

Ketika itu Tanah Melayu pula mempunyai kestabilan politik dan ekonomi. Perkembangan ekonomi terutama perlombongan dan perladangan telah mengalakkan mereka datang ke Tanah Melayu.

Apatah lagi, perkembangan ini menyebabkan Tanah Melayu memerlukan ramai tenaga buruh.

Kerajaan British memerlukan tenaga kerja. Mereka dikehendaki membina kemudahan awam seperti jalan raya dan jalan kereta api. Oleh itu, mereka menggalakkan kemasukan pekerja India.

Terdapat dua cara bagaimana buruh-buruh India dibawa masuk ke Tanah Melayu.

Pertamanya dikenali sebagai sistem kontrak. Sistem ini diperkenalkan pada tahun 1820.

Dalam sistem ini, seorang ejen buruh akan mengumpulkan buruh India. Sebelum itu, ejen ini berbincang dengan para majikan terlebih dahulu.

Bagi orang India yang berminat, mereka akan mendaftarkan diri. Satu kontrak akan ditandatangani. Buruh India dikehendaki bekerja di Tanah Melayu selama lima tahun.

Selepas lima tahun, mereka boleh pulang ke India. Mereka yang berminat boleh meneruskan kerja. Kedatangan mereka akan diberi tambang oleh pihak majikan.

Bagaimanapun sistem ini dikatakan tidak berperikemanusiaan. Buruh India dieksplotasi oleh pihak majikan.

Mereka diberi gaji yang rendah. Tempat tinggal juga tidak disediakan.

Mereka juga tidak dihantar pulang walaupun kontrak sudah tamat.

Keduanya adalah sistem kagani. Sistem ini lebih baik daripada sistem kontrak. Ia diperkenalkan pada tahun 1890-an.

Dalam sistem ini, seorang mandur atau kagani dihantar balik ke India. Mereka akan mendapatkan pekerja di kampung-kampung. Biasanya mandur memilih saudara mara dan sahabat handai mereka. Oleh itu mereka diberi layanan yang baik.

Seperti juga sistem kontrak, kedatangan buruh akan diberi tambang oleh majikan. Melalui sistem ini dianggarkan lebih 300,000 orang India dibawa masuk.

Sistem kagani tidak bertahan lama.


Ia ditamatkan kerana kemelesetan ekonomi.

Bilangan orang India di Tanah Melayu seramai 267,159 pada tahun 1911. Dua tahun seterusnya bilangan ini meningkat dengan banyak sekali.

Terdapat beberapa etnik India yang datang ke Tanah Melayu. Antaranya Tamil, Malayali, Telugu, dan Sikh. Setiap etnik bertutur dalam bahasa mereka sendiri.

Orang Tamil merupakan golongan terbanyak bekerja di Tanah Melayu. Mereka menjadi buruh di ladang getah dan kelapa sawit.

Orang Malayali bekerja di ladang getah dan pelabuhan. Setengahnya pula bekerja sebagai kerani dan memegang jawatan profesional.



Barangan daripada getah

Manakala orang Telegu bekerja di ladang. Orang Sikh pula bekerja sebagai polis, pengawal keselamatan, dan penternak lembu.

Terdapat juga di kalangan orang India yang datang dengan perbelanjaan sendiri. Mereka terdiri daripada golongan profesional. Antaranya peniaga, guru, kerani, doktor, dan lain-lain lagi.


Kebanyakan orang India tinggal di kawasan pertanian. Bagi golongan profesional, mereka menetap di bandar. Contohnya di Kuala Lumpur, Ipoh, Singapura, Taiping, dan lain-lain lagi.

Pada peringkat permulaan, mereka tidak berhasrat tinggal di Tanah Melayu. Bagaimanapun selepas Perang Dunia Kedua, hasrat ini telah berubah.

Pada tahun 1957, dianggarkan 11.1% daripada penduduk Tanah Melayu ialah orang India.

BAB

5



Suku kaum tertentu di Sabah tinggal di rumah panjang

Ekonomi Masyarakat Sabah & Sarawak

Sabah mempunyai ramai penduduk dari pelbagai suku. Setiap suku menjalankan kegiatan ekonomi tersendiri. Antara yang terkenal ialah Kadazan, Bajau, Suluk, dan lain-lain lagi.

Kegiatan ekonomi masyarakat ini hanyalah untuk menyara hidup diri

dan keluarga. Mereka juga melakukan kerja-kerja sampingan untuk menambahkan pendapatan.

Orang Bajau, Brunei, dan Suluk melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi berdasarkan hasil laut. Hasil-hasil laut terdiri dari agar-agar, ikan, terpang, dan mutiara.

Hasil laut ini mahal harganya. Ini secara tidak langsung meningkatkan pendapatan penduduk.

Selain untuk kegunaan tempatan, hasil laut ini dieksport ke China. Di China, hasil laut dijadikan makanan dan ubat-ubatan.

Masyarakat Bajau sangat mahir menyelam untuk mendapatkan mutiara. Kawasan Sandakan dan Lingkabau sangat kaya dengan mutiara.

Pada tahun 1870, seorang ketua orang Samal telah menguasai perdagangan mutiara di kawasan tersebut.

Padi juga giat dijalankan di Sabah. Papar, Penampang, dan Tuaran ialah kawasan penting penanaman padi. Penanaman padi dijalankan oleh orang Kadazan atau Dusun.

Di daerah Ranau dan Tambunan, padi sawah ditanam di lembah bukit. Sekarang peralatan moden digunakan untuk mendapatkan padi.

Bagi masyarakat Murut, mereka menjalankan pertanian pindah. Mereka menanam padi cuma di kawasan kaki bukit. Pertanian pindah dijalankan secara beberapa peringkat.

Peringkat pertama ialah peringkat di mana kawasan dibersihkan. Pokok ditebang dan dibakar. Pada peringkat kedua pula, kawasan tersebut ditanam dengan padi huma.

Peringkat ketiga, kawasan tersebut

digunakan selama beberapa tahun. Kemudian mereka akan berpindah ke tempat lain apabila tanah tidak subur lagi.

Terdapat juga suku di Sabah mencari sarang burung. Kegiatan ini dijalankan di Gua Gomantong dan di Gua Madai. Sarang burung diambil menggunakan buluh panjang.

Sarang burung terdapat dalam dua jenis iaitu putih dan coklat. Jenis putih lebih mahal harganya. Sarang-sarang burung ini dieksport ke negeri China. Di sana, ia dijadikan ubat dan ramuan sup yang lazat.

Kegiatan perdagangan turut dijalankan di Sabah. Setiap suku akan mengeluarkan hasil yang berbeza. Ini menggalakkan kegiatan pertukaran barang di kalangan mereka. Contohnya orang yang tinggal di persisiran pantai menukar barang dengan hasil penduduk di kawasan pedalaman.

Tamu di Sabah telah wujud sejak 1870-an lagi. Kewujudan tamu ini membolehkan penduduk menjalankan aktiviti menukar hasil mereka. Tamu lambang keharmonian bagi penduduk Sabah.

Kegiatan ekonomi di Sarawak tidak jauh bezanya dengan ekonomi di Sabah. Padi huma banyak dijalankan oleh kaum Iban, Bidayuh, dan Kenyah. Cara orang Bidayuh menanam padi huma hampir sama dengan orang Murut di Sabah.

Padi sawah kurang terkenal di Sarawak. Hanya suku Kelabit sahaja yang menjalankan kegiatan ini. Banyak suku kaum Kelabit tinggal di Bario. Padi sawah ditanam di sekitar rumah panjang.

Orang Kelabit selalu bekerjasama dalam setiap aktiviti harian. Selain padi sawah, orang Kelabit turut menjalankan aktiviti lain. Contohnya memburu binatang, memungut hasil hutan, dan membuat garam.

Kaum Punan sangat mahir dalam kegiatan berburu dan memungut hasil hutan. Hasil hutan yang dipungut termasuklah damar, madu, dan rotan. Rotan digunakan untuk membuat tikar dan bakul.

Hasil hutan yang diperolehi


ditukarkan dengan keperluan harian lain. Barang keperluan ini ditukar bersama-sama suku lain.

Perusahaan sagu dijalankan oleh orang Melanau. Oya, Igan, dan Mukal adalah antara kawasan penanaman sagu utama.

Bagi menghasilkan tepung sagu, beberapa proses terpaksa dilalui. Pokok sagu yang matang ditebang 10 tahun selepas ditanam.

Kemudian batang sagu dipotong menjadi bahagian-bahagian kecil. Seterusnya ia dibelah untuk mengeluarkan isi sagu. Isi sagu dipanggil 'vipo'. Tepung sagu diproses daripada vipo.

Sarawak adalah pengeluar sagu terkenal di dunia. Sagu ini dijual ke



Brunei. Di Brunei, sagu dieksport ke negara China, India, dan Eropah.

Sumber galian laitut antimoni dan emas juga banyak di Sarawak. Antimoni dijumpai di Bau pada tahun 1830-an. Datuk Patinggi Ali telah membuka lombong tersebut. Dia merupakan pemerintah kawasan itu.

Orang Bidayuh diupah melombong antimoni. Bahan ini dieksport ke Singapura dan Eropah. Antimoni digunakan untuk membuat plat dalam bateri.

Emas juga dijumpai di Bau. Lombong emas ini diusahakan oleh orang Cina. Kampung-kampung Cina telah dibuka di Bau, Bidi, dan Paku.

BAB

6



Masyarakat Majmuk

Sebelum kemasukan orang Cina dan India, Tanah Melayu terdiri daripada masyarakat Melayu. Mereka terdiri daripada satu bangsa, budaya, dan ideologi.

Kemasukan imigran Cina dan India menyebabkan penduduk Tanah Melayu telah bercampur gaul. Kemasukan dua masyarakat ini secara serius pada

abad ke-19. Ini berikutan kemajuan ekonomi yang berlaku di Tanah Melayu.

Pada tahun 1830-an, terdapat 80,000 orang Cina dan 23,000 orang India di Singapura dan Pulau Pinang.

Apabila berlaku kemajuan bijih timah, orang-orang Cina berhijrah ke negeri tersebut. Manakala orang India

berhijrah ke ladang-ladang getah.

Dengan ini terbentuklah masyarakat majmuk yang kompleks. Contohnya di Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Singapura, dan Pulau Pinang. Kaum ini mengamalkan aktiviti ekonomi yang berbeza.

Jurang pemisahan di kalangan masyarakat begitu ketara. Orang Cina tinggal di kawasan lombong bijih timah. Orang India tinggal di ladang-ladang getah. Sebaliknya orang Melayu masih tinggal di pinggir sungai dan pantai.

Sistem persekolahan juga telah berubah. Sebelum ini hanya wujud sekolah Inggeris dan Melayu. Kedatangan orang Cina dan India mewujudkan sekolah mereka sendiri.

Pentadbiran British terpaksa menyediakan sekolah mengikut pengenalan kaum masing-masing.

Selain itu masalah-masalah sosial turut berlaku. Kegiatan jenayah semakin menular. Ia banyak berlaku di negeri yang terdapat banyak lombong bijih timah. Contohnya di Perak, Selangor, dan Negeri Sembilan.

Orang Cina yang datang ke Tanah Melayu terdiri daripada beberapa keturunan. Mereka berbeza-beza dari pada budaya dan ideologi hidup.

Setiap keturunan menu buhkan persatuan masing-masing. Ini bertujuan untuk menjaga kepentingan mereka. Persatuan ini lebih dikenali sebagai kongsi gelap.

Di Tanah Melayu ketika itu, terbentuklah pelbagai kongsi gelap. Antara yang terkenal ialah Hai San dan Ghee Hin. Kongsi-kongsi gelap ini sering bergaduh. Ini secara tidak langsung mengganggu kemantapan politik dan ekonomi di Tanah Melayu.

Tidak dapat dinafikan kedatangan dua kaum terbesar ini memberi kesan baik dalam bidang ekonomi. Penghasilan getah dan bijih timah bertambah maju. Perdagangan British semakin meningkat.

Kedatangan imigran Cina memajukan bijih timah di Larut, Lembah Kinta, Ipoh, dan lain-lain. Begitu juga dengan Seremban dan Kuala Lumpur.

Orang Cina amat mahir dalam perlombongan. Mereka datang membawa kaedah perlombongan mereka sendiri. Contohnya perlombongan melalui kaedah lombong dedah.

Melalui kaedah ini, bijih timah dihasilkan dengan banyak berbanding dengan masyarakat Melayu yang hanya mendulang.

Hasilnya Tanah Melayu muncul sebagai pengeluar bijih timah dan getah utama di dunia. Perdagangan Negeri-negeri Selat turut bertambah maju. Pelabuhan Singapura telah muncul sebagai pelabuhan terkemuka di Asia Tenggara.

Sekitar tahun 1900, kira-kira dua juta orang Cina terdapat di Tanah Melayu. Kebanyakannya tinggal di

Singapura, Pulau Pinang, Perak, Selangor, dan Negeri Sembilan.

Pada tahun 1877, Jabatan Perlindungan Orang Cina ditubuhkan. Jabatan ini diketuai oleh W. A Pickering. Beliau pegawai British yang fasih bertutur bahasa Cina.

Jabatan ini memastikan agar majikan menjaga kebijakan pekerja-pekerja Cina. Pekerja boleh mengadu masalah sekiranya dianiyai.

Kemudian pada tahun 1912, Akta Buruh diluluskan. Akta ini merangkumi peraturan buruh Cina dan India.

Akta ini menetapkan kebijakan kedua-dua kaum ini. Majikan perlu menyediakan kemudahan kesihatan dan sebagainya yang mencukupi. Buruh kanak-kanak tidak boleh dieksplotasi.

Seorang pengawal buruh dilantik. Pengawal ini dikehendaki memastikan akta ini berjalan dengan baik.

Sebagai langkah kawalan kemasukan, kerajaan British telah membentuk satu ordinan. Ordinan ini dikenali sebagai Ordinan Menyekat Imigrasi. Akibatnya kemasukan orang-orang Cina semakin berkurangan.

Kemasukan imigran juga menyebabkan terbentuknya bandar-bandar baru. Memandangkan imigran ini hidup berkelompok, maka wujudlah bandar di kelompok mereka. Contohnya bandar Ipoh, Kuala Lumpur, dan lain-lain lagi.


Begitu juga bandar Kuala Pilah, Seremban, dan Johor. Bandar ini wujud hasil penempatan masyarakat India di ladang-ladang getah.



Kedatangan golongan ini secara tidak langsung mewujudkan kemudahan infrastruktur. Contohnya jalan kereta api dan jalan raya. Jalan-jalan ini menghubungkan kawasan pengeluaran dan pelabuhan.

Kawasan hutan juga telah ditebus guna. Ia dijadikan kawasan penempatan. Kebanyakan imigran menetap di pantai barat.

Imigran ini juga telah membentuk kumpulan politik mereka. Pada sekitar 1879 hingga 1941, cara hidup mereka masih dipengaruhi oleh cara kehidupan di negara asal.



Perkembangan Ekonomi Singapura

Pada tahun 1820, Singapura di- datangi oleh 100 buah perahu Bugis. Mereka datang untuk bermilaga. Setahun kemudian, sebuah tongkang dari China tiba di Singapura. Kemudian diikuti oleh 70 buah kapal lagi.

Ketika itu perdagangan dengan tongkang dan perahu amat penting di Tanah Melayu. Tidak berapa lama

kemudian, Singapura kian berkembang dengan pesat. Dari sebuah kampung nelayan, ia telah bertukar menjadi sebuah pusat perniagaan yang makmur.

Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 turut banyak memberi sumbangan kepada kemajuan Singapura.

Dalam perjanjian itu, Singapura diisytiharkan sebagai tanah jajahan

Inggeris. Campur tangan British di Tanah Melayu turut memberi sumbangan penting dalam kemajuan Singapura.

Selain itu, kedudukan Singapura juga sangat strategik. Ia dikelilingi oleh beberapa buah negeri dan pulau. Negeri dan pulau ini terletak sesuai dalam lingkungan pelabuhannya.

Kedudukannya juga di tengah-tengah jalan perdagangan antara Barat dan Timur. Ia amat sesuai sebagai jalan perdagangan buat saudagar Eropah, China, dan Asia Tenggara.

Sewaktu dalam perjanjian British, pelbagai perubahan telah dilakukan. Singapura telah dijadikan pelabuhan bebas. Pedagang tidak dikenakan cukai import dan eksport.

Pada peringkat permulaan, sedikit bayaran telah dikenakan oleh Raffles. Namun pada tahun 1823, ia telah dihapuskan oleh Crawford.

Semenjak itu, Singapura dikatakan langsung tidak mengenakan bayaran kepada pedagang. Sedangkan dalam masa yang sama pelbagai kemudahan disediakan untuk pedagang.

Sistem pentadbirannya juga jelas, ia memberi perlindungan dan galakan kepada saudagar-saudagar asing. Singapura dikunjungi saudagar asing dari semasa ke semasa.

British juga menubuhkan agensi-agensi perdagangannya. Pengeksport Eropah, Tanah Melayu, dan Amerika juga mempunyai agen di Singapura. Agen ini

ditugaskan mengurus barang-barang mereka.

Lama-kelamaan, agensi ini berkembang menjadi industri. Ia ditadbir oleh mereka yang mahir.

Banyak pejabat dan gudang dibina di tebing sungai. Selain itu, sumbangan pelbagai bangsa turut mempercepatkan proses industri perdagangan di Singapura.

Perjanjian Inggeris-Belanda banyak menyelesaikan masalah perdagangan. Salah satu syarat perjanjian ialah pembahagian wilayah. Belanda dikhususkan pemerintahannya di kawasan selatan Singapura. Manakala British di kawasan utara dan juga Singapura.

Selepas perjanjian tersebut, Singapura berada di bawah kekuasaan British. Keamanan telah diwujudkan. Ini secara tidak langsung memusatkan perdagangan di Singapura.

Masalah-masalah sosial juga dapat diatasi oleh British. Sebelum ini masalah pelanunan dan kongsi gelap merupakan masalah utama. Lebih-lebih lagi di kawasan Negeri-negeri Selat.

Apabila berlaku perpindahan kuasa pentadbiran ke London, masalah ini cuba diatasi. Kongsi gelap dan puak lanun menimbulkan ancaman kepada para pedagang. Ramai polis dihantar untuk mengawal keamanan di Singapura.

Dasar perluasan kuasa British di

Asia Tenggara juga semakin meluas. Ini telah membuka pasaran baru bagi perdagangan Singapura. Contohnya penguasaan James Brooke ke atas Sarawak.

Pada tahun 1897, telah diadakan perjanjian Inggeris-Siam. Kemudian diikuti Perisyiharan Inggeris-Siam 1902. Ini memberi konsesi bagi perdagangan Inggeris.

Ketika itu Raja Mongkut pemerintah Siam. Baginda mengamalkan dasar terbuka. Keadaan ini secara tidak langsung membuka pasaran yang luas bagi Singapura.

Pelabuhan Singapura bersaing sengit dengan pelabuhan Betawi. Ketika itu Betawi dalam kekuasaan Belanda.

Namun begitu pelabuhan Betawi

tidak dapat menandingi Singapura. Pasaran di Singapura lebih luas.

Revolusi perindustrian di barat turut memberi sumbangan kepada Singapura. Rantau ini menjadi tempat pasaran bahan mentah utama.

Oleh itu pelabuhan Singapura sibuk sebagai penyimpan dan pengedaran barang-barang. Terutamanya barang dari Eropah dan Asia Tenggara.

Penggunaan kapal wap menambahkan lagi kedatangan pedagang asing ke Singapura. Mereka tidak lagi belayar mengikut tiupan angin.

Ada kalanya kapal layar ini bertindak menghapuskan pelanunan. Ini secara tidak langsung melindungi pedagang di Singapura.



Sistem perhubungan telah dibaiki. Penggunaan telegraf telah mempercepatkan perkembangan ekonomi. Dengan ini perdagangan dipercepatkan dan rundingan boleh dilakukan tanpa membuang masa.


Pada tahun 1869, Terusan Suez telah dibuka. Terusan ini mempercepatkan perjalanan Timur ke Barat. Dengan itu pengangkutan barang dilakukan dengan lebih pantas.

Singapura terus berkembang dengan pesat. Dasar pemerintahan yang cekap menyebabkan perdagangan berjalan dengan lancar serta menguntungkan para pedagang.

BAB

8

Pengangkutan laut
penting dalam urusan
perdagangan



Pengangkutan Penggerak Ekonomi

Masyarakat Melayu dahulukala menggunakan jalan hutan, denai, dan sungai sebagai sistem pengangkutan. Hasil-hasil hutan dibawa ke tempat jualan melalui jalan ini. Kebanyakan pelabuhan pula terletak di tepi-tepi sungai.

Selepas kedatangan British,

perhubungan kian dimajukan. Jalan kereta api dan jalan raya mula dibina. Pembinaan sistem perhubungan ini bersesuaian dengan perkembangan ekonomi.

Di Sabah dan Sarawak, sistem perhubungan tertumpu di sepanjang pantai dan sungai.

Ekonomi Tanah Melayu mengalami perubahan pesat. Sistem pengangkutan kereta api memainkan peranan penting terhadap perusahaan bijih timah.

Jalan kereta api memudahkan pengangkutan dari kawasan perlombongan ke pelabuhan. Dari situ, ia akan diambil oleh kapal wap untuk dieksport.

Perak adalah negeri yang kaya dengan bijih timah. Kereta api pertama telah dibina di sini. Kereta api menghubungkan Taiping ke Port Weld dibuka pada tahun 1885.

Lembah Kinta juga kawasan yang kaya dengan bijih timah. Bagi memudahkan pengangkutan, laluan kereta api dari Tapah ke Teluk Anson telah dibina. Kemudiannya dari Tapah ke Ipoh.

Jalan kereta api di Selangor juga dibina hasil perkembangan bijih timah. Sebelum ini penduduk menggunakan kereta lembu dan tongkang katak. Tambang bagi perkhidmatan ini agak tinggi.

Pembinaan jalan kereta api merupakan satu kejayaan kepada para pedagang. Banyak keuntungan dapat diperolehi. Jalan kereta api juga bertanggungjawab terhadap perkembangan Kuala Lumpur.

Namun begitu, jalan kereta api dibina untuk kepentingan perlombongan sahaja. Negeri-negeri Melayu yang lain tidak dirancang pembinaannya

oleh pihak British.

Apabila Frank Swettenham menjadi Residen-Jeneral Negeri-negeri Melayu Bersekutu, beliau telah mencadangkan agar suatu sistem pengangkutan kereta api yang menghubungkan semua negeri kecuali Terengganu.

Di samping kereta api, jalan raya juga turut memberi sumbangan penting. Pembinaannya selaras dengan perkembangan perusahaan getah dan bijih timah.

Jalan raya memudahkan susu getah diangkut ke kilang. Kemudian dari kilang ke pelabuhan untuk dieksport. Pengenalan kenderaan bermotor turut memperkembangkan pembinaan jalan raya.

Pada tahun 1911, jalan raya utama Seberang Perai ke Melaka telah siap dibina. Pada tahun 1928, telah terdapat jalan raya menghubungkan Singapura dan Perlis.

Perkembangan jalan raya ini atas beberapa sebab. Antaranya berkembangnya perusahaan bijih timah dan getah. Dua bahan ini memerlukan pengangkutan yang baik. Hasil penge-luarannya mudah dibawa ke pelabuhan.

Jalan raya juga bertindak sebagai pelengkap jalan kereta api. Pembinaan jalan raya juga lebih murah dan mudah. Berbanding jalan kereta api yang memerlukan kos yang tinggi.

Perkhidmatan perkapalan juga

memberi sumbangan kepada kemajuan ekonomi. Hal ini berlaku sejak awal kurun ke-19 lagi.

Kapal-kapal dagang membawa hasil dari negeri-negeri Melayu yang kemudiannya menuju ke China, India, Eropah, dan Amerika Syarikat.

Selain membawa peralatan jentera, kapal ini juga membawa buruh-buruh dari luar.

Menjelang tahun 1870-an, banyak syarikat perkapalan mula menggunakan kapal wap. Di Tanah Melayu, syarikat-syarikat perkapalan yang awal dijalankan oleh orang Cina.

Pada tahun 1890, sebuah syarikat perkapalan ditubuhkan oleh orang Belanda. Syarikat ini memberi perkhidmatan antara pelabuhan

di negeri-negeri Melayu.

Pada awal kurun ke-20, perkhidmatan perkapalan menjadi semakin pesat. Ia terpaksa menghadapi saingan dengan jalan raya dan jalan kereta api.

Pengangkutan udara turut diperkenalkan. Sebuah syarikat penerbangan telah ditubuhkan pada tahun 1937.

Syarikat ini menyediakan perkhidmatan antara Singapura, Kuala Lumpur, dan Pulau Pinang.

Lapangan terbang juga dibina sekitar tahun 1830-an. Antaranya di Kuala Lumpur, Butterworth, dan Alor Setar. Singapura ketika itu menjadi sebuah lapangan terbang antara-bangsa.

Dengan ini adalah jelas yang



sistem pengangkutan yang baik telah memajukan ekonomi orang Melayu. Hasil pengeluaran dapat dieksport dengan cepat.


Di samping itu, hasil keluaran mudah diedarkan ke pelosok Tanah Melayu. Barang-barang import juga dapat diedarkan dengan cepat.

Unsur-unsur ekonomi moden semakin meluas. Masyarakat mula mengalih kepada pertanian moden. Pihak British cuba mengekalkan cara tradisional tetapi gagal. Ekonomi moden mewujudkan pasaran kebangsaan.

Kemajuan pengangkutan turut menarik pelabur asing. Mereka menanam modal yang banyak di Tanah Melayu.

Pertumbuhan bandar berkembang begitu ketara. Semua sistem perhubungan dihubungkan dengan bandar. Ini secara tidak langsung memudahkan penghijrahan penduduk.

Ekonomi moden meresap dengan cepat. Institusi kewangan dan pejabat besar mula bertapak. Beberapa buah bandar besar berubah menjadi pusat pentadbiran. Contohnya Kuala Lumpur dan Kuching.



Rancangan Malaya 1 & 2

Dasar penjajahan British lebih menumpukan perhatian di kawasan pantai barat. Sebaliknya kawasan pantai timur telah diabaikan. Ini kerana pantai barat mempunyai lebih banyak bahan mentah yang menguntungkan British.

Akibat dasar ini, pembangunan Tanah Melayu menjadi tidak seimbang.

Pantai timur jauh ketinggalan. Jurang kemiskinan antara penduduk juga berbeza serta ketara.

Sebagai langkah mengatasi masalah ini, dasar pembangunan dilaksanakan oleh kerajaan.

Dasar ini mengandungi tiga fasa. Pertamanya ialah Rancangan Malaya

Pertama (1956-1960). Kedua, Rancangan Malaya Kedua (1961-1965) dan ketiganya ialah Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970).

Rancangan Malaya Pertama lebih menumpukan kepada pembangunan luar bandar. Ini penting kerana kawasan luar bandar terdiri daripada petani dan nelayan. Mereka ini berpendapatan rendah.

Bagi memastikan pembangunan negara seimbang, kawasan luar bandar harus diperbaiki. Inilah tujuan asas Rancangan Malaya Pertama (RMP).

RMP menggariskan beberapa matlamat. Antaranya meningkatkan perkembangan ekonomi melalui pembangunan luar bandar. Dengan ini jurang kemiskinan luar bandar dan bandar dapat dikurangkan.

Hasil dari kegiatan ekonomi dipelbagaikan. Ini penting agar negara tidak bergantung kepada bijih timah dan getah. Peluang pekerjaan juga ditingkatkan.

Dua agensi diamanahkan untuk menjayakan RMP. Agensi tersebut ialah Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). Kedua-dua agensi ini terletak di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

MARA berperanan meningkatkan taraf kehidupan rakyat melalui ranca-

ngan ekonomi dan sosial. Penduduk luar bandar digalakkan menceburi bidang perusahaan. Ia lebih menjurus perusahaan yang berasaskan makanan dan buah-buahan.

Kalangan belia luar bandar diberi latihan kemahiran yang lebih sempurna. Kemudian mereka digalakkan membuka perusahaan sendiri. MARA juga akan memberi modal kepada belia-belia yang berminat.

FELDA ditubuhkan pada tahun 1956. Ia bertanggungjawab terhadap pembukaan tanah-tanah baru. Tanah-tanah ini diusahakan dengan kegiatan pertanian.

Kawasan penempatan peneroka dibuka. Keluarga dari kawasan luar bandar akan dipilih. Mereka diberi tanah untuk mengerjakan tanaman getah atau kelapa sawit.

Di kawasan penempatan peneroka ini disediakan pelbagai kemudahan asas. Rancangan FELDA akhirnya dapat mengurangkan penghijrahan penduduk luar bandar.

Peruntukan RMP dianggarkan sebanyak RM110 juta. Bagaimanapun banyak projek tidak dapat dilaksanakan. Ketika itu negara berada dalam keadaan darurat. Harga bijih timah dan getah juga mengalami kejatuhan.

Pada tahun 1961 hingga 1965, dilaksanakan pula Rancangan Malaya Kedua (RMK). Matlamat RMK sama

juga dengan RMP.

Bagi menjayakan matlamat ini, RMK menggariskan beberapa strategi. RMK terus menggalakkan kegiatan pertanian. Ini diharap dapat meluaskan pasaran serta pengurusan yang berkesan.

Strategi RMK juga mahu mengurangkan kebergantungan eksport makanan. Di samping itu, ia juga meluaskan pasaran.

FELDA diarah memperbanyakkan pembukaan tanah-tanah baru. Tanah-tanah ini ditanam getah, kelapa sawit, dan koko.

Projek pembangunan wilayah telah dilaksanakan. Contohnya Projek Segitiga Jengka di Pahang, Projek Johor Tenggara, dan Projek


Pahang Tenggara.

Pelbagai jenis tanaman telah dilaksanakan. Kemudahan asas seperti parit dan tali air turut diberi keutamaan.

Pada tahun 1965, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) ditubuhkan. FAMA bertujuan membantu petani memasarkan hasil pertanian. Secara tidak langsung menggalakkan petani berusaha lebih gigih.

FAMA turut menyediakan kemudahan penyimpanan dan meningkatkan mutu sistem pemasaran. Harga pasaran ditentukan oleh FAMA. Ini secara tidak langsung memecah monopoli orang tengah.

Kementerian Pembangunan



Negara dan Luar Bandar telah bertindak secara menyeluruh dan berkesan. Semua usaha yang dilakukan bertujuan meningkatkan taraf ekonomi penduduk.

Seterusnya Bilik Gerakan Negara ditubuhkan. Ia berpusat di Kuala Lumpur dan diperkenalkan oleh Tun Abdul Razak.

Dalam bilik ini, perbincangan dan mesyuarat dijalankan. Setiap peringkat kampung, daerah, dan negeri telah dibentuk jawatankuasa pembangunan. Mereka juga mempunyai bilik gerakan masing-masing.

Rancangan Buku Merah turut dikeluarkan. Buku Merah menerangkan butir-butir tentang pembangunan.


Selain itu, RMK juga menitikberatkan perindustrian, pengangkutan, dan penyediaan kemudahan sosial. Contohnya klinik, sekolah, dan hospital terutamanya di kawasan luar bandar.

Rancangan Malaysia Pertama meliputi Sabah dan Sarawak. Rancangan ini mahu meningkatkan pendapatan penduduk miskin.

Ekonomi negara dipelbagaikan. Negara cuba memasuki sektor perindustrian. Keseluruhannya pelbagai rancangan yang disusun oleh kerajaan mahu memajukan sektor pertanian, perindustrian, dan memperbaiki keadaan sosial rakyat.

BAB

10



Ekonomi & Perkembangan Bandar

Perkembangan ekonomi merupakan faktor utama penggerak kemajuan sesebuah negara. Kegiatan perdagangan yang pesat menggalakkan ramai pengusaha melibatkan diri.

Orang ramai akan berkumpul di sesuatu tempat. Di situ lah kegiatan jual beli barang akan berlaku. Dengan ini

secara tidak langsung pertumbuhan bandar berlaku dengan cepat.

Suatu ketika dulu, kemunculan pusat tumpuan penduduk selalunya di muara-muara sungai. Ini kerana di kawasan begini, kegiatan perdagangan rancak dijalankan. Banyak kapal-kapal luar berlabuh di muara sungai.

Kuala Selangor, Kuala Kelantan, dan Kuala Terengganu adalah antara pusat perniagaan yang penting suatu ketika dulu. Kuala Bidor di Perak juga pernah muncul sebagai pusat perdagangan.

Bandar Linggi di Negeri Sembilan terkenal sebagai pusat perniagaan pada zaman dahulu.

Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada kemunculan bandar-bandar baru. Antaranya ialah kegiatan perlombongan bijih timah, perusahaan getah, pertanian, perdagangan, dan sebagainya.

Sekitar abad ke-18 dan 20, banyak bandar-bandar baru telah muncul. Contohnya bandar Kuala Lumpur, Lukut, Seremban, Ipoh, dan lain-lain lagi. Kemunculan bandar-bandar ini kerana ia menjadi pusat kegiatan perlombongan bijih timah yang pesat.

Ipoh menjadi pusat bandar terkenal apabila perlombongan di Larut dan Marang merosot. Bandar Teluk Anson maju selepas perusahaan getah berkembang.

Bandar-bandar yang wujud ini mempunyai beberapa ciri utama. Antaranya ia menjadi pusat pentadbiran daerah, memberi perkhidmatan sosial seperti sekolah, pos, dan lain-lain.

Selain itu, bandar juga mewujudkan pusat-pusat hiburan kepada sesetengah masyarakat.

Pada sekitar tahun 1874, perkem-

bangunan bandar tidaklah pesat. Ketika itu bilangan penduduk amatlah sedikit. Banyak tanah belum dibuka. Sungai masih menjadi penghubung utama.

Kuala Lumpur adalah bandar yang terkenal sehingga sekarang. Kedudukannya amat strategik iaitu terletak antara Sungai Kelang dan Sungai Gombak. Pada tahun 1880, Kuala Lumpur telah menjadi ibu negeri Selangor.

Apabila Kuala Lumpur menjadi Wilayah Persekutuan, Shah Alam dijadikan ibu negeri Selangor.

Suatu ketika dulu, sekitar Kuala Lumpur mempunyai banyak tempat perlombongan bijih timah. Oleh itu ramai pengusaha datang ke situ terutamanya pengusaha Cina.

British juga pernah menjadikan Hilir Perak sebagai pusat pentadbiran pada 1875. Kemudiannya berpindah pula ke Taiping, dan seterusnya ke Kuala Kangsar.

Banyak bandar ketika itu muncul seiring perkembangan bijih timah. Apabila kegiatan bijih timah merosot, kedudukan bandar turut merosot. Bandar mula berkembang semula apabila perusahaan getah turut berkembang.

Pada awal abad ke-20, perkembangan bandar menjadi kian pesat. Kuala Lumpur telah menjadi ibu Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Masyarakat majmuk wujud di

Kuala Lumpur dan tinggal berasingan. Orang Melayu tinggal di kampung baru. Orang India tinggal di Sentul dan orang Cina tinggal di pusat bandar.

Kawasan Kelang turut berkembang apabila banyak kegiatan industri dijalankan di kawasan tersebut. Ramai penduduk telah datang ke situ.

Di Sarawak, bandar Kuching dibina oleh Pangeran Indera Mahkota. Pada tahun 1841, James Brooke telah menjadikannya ibu negeri Sarawak.

Pelbagai kaum mula membanjiri bandar Kuching pada abad ke-19. Kaum yang terbesar ialah Melayu, Cina, dan India.

Orang-orang Cina dan India amat berminat dalam bidang perniagaan.

Oleh itu mereka mula mendirikan bazar sebagai tempat berniaga.


Sibu muncul sebagai bandar pada tahun 1812. Pada tahun 1871, penduduk Sibu bertambah dengan pesat. Banyak bazar serta kedai telah didirikan.

Kerajaan Brooke yang menguasai pemerintahan turut membina pelbagai kemudahan asas. Antaranya sekolah, hospital, dan jalan raya.

Apabila petroleum dijumpai di Miri, bandar itu mula berkembang pesat.

Kudat di Sabah pernah dijadikan pusat pentadbiran pada tahun 1881. Namun kedudukannya kurang baik. Oleh itu penduduk kurang berhijrah ke Kudat.

Kudat merosot apabila ia tidak lagi menjadi pusat pentadbiran. Sebaliknya



Pembinaan lebuh raya
lambang kemajuan
negara sekarang

Kompeni Berpiagam memilih Sandakan sebagai pusat pentadbiran baru.

Sandakan antara sebuah bandar yang terkenal di Sabah. Sebelum ini ia dikenali sebagai Elopura. Sandakan mempunyai kedudukan yang sesuai untuk kegiatan perdagangan antara-bangsa.

Di sekitar Sandakan sangat kaya dengan bahan semula jadi. Sandakan semakin berkembang apabila penduduk Suluk, Cina, dan India berpindah ke situ.

Pelbagai kemudahan disediakan oleh kerajaan. Perkhidmatan telefon dimulakan pada tahun 1896. Bandar Sandakan juga terletak berhampiran kawasan pembalakan.

GLOSARI

Adat istiadat : Pelbagai peraturan yang dituruti sejak dahulu kala. Contohnya upacara perlantikan seseorang raja di Tanah Melayu dipenuhi dengan adat istiadat.

Ufti : Persembahan yang mesti dibayar kepada raja atau negara yang berkuasa. Persembahan ini mungkin terdiri daripada wang, emas, atau lainnya. Sultan Kedah pernah membayar ufti kepada kerajaan Siam.

Sara diri : Kerja yang diusahakan untuk keperluan hidup sahaja. Contohnya wang, makanan, dan lain-lain. Seseorang itu tidak mampu menambah pendapatan atau meningkatkan taraf hidupnya jika mengamalkan pertanian sara diri.

Tengkujuh : Musim hujan yang lebat. Kemudian diikuti laut yang bergelora. Nelayan tidak akan turun ke laut musim ini kerana berbahaya.

Kapitan : Ketua kaum orang-orang Cina. Ia tempat rujukan segala masalah oleh ahli-ahli kaumnya. Kapitan terdiri daripada mereka yang bijak dan berpengaruh.

Teknologi : Penggunaan kaedah-kaedah pembuatan barang secara moden. Teknologi selalunya digunakan dalam kegiatan perindustrian. Ini akan menghasilkan pengeluaran yang berkualiti.

Bencana alam : Bahaya atau kecelakaan yang berlaku akibat banjir, angin ribut, gempa bumi, dan lain-lain lagi. Kemarau yang berpanjangan juga termasuk dalam bencana alam.

Kontrak : Perjanjian mengenai syarat-syarat bekerja dan lain-lain. Contohnya buruh India yang bekerja secara kontrak dibayar gaji hari.

Kompleks : Sesuatu yang rumit. Contohnya usaha mengatasi masalah setinggan di ibu kota amat sukar kerana ia membabitkan permasalahan yang kompleks.

Profesional : Kemampuan dan kemahiran melakukan kerja dengan cekap. Golongan profesional selalunya menerima bayaran yang lebih tinggi hasil daripada perkhidmatan mereka.

Ideologi : Fahaman atau ajaran yang dipakai oleh golongan tertentu. Contohnya negara China masih mengamalkan ideologi komunis.

Suku : Kelompok masyarakat yang mengamalkan cara hidup masing-masing. Contohnya masyarakat di Sabah dan Sarawak terdiri dari pelbagai suku.

Ordinan : Peraturan yang mempunyai kuatkuasa undang-undang. Ordinan dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Contohnya Ordinan Menyekat Imigran telah mengurangkan kemasukan pendatang ke Tanah Melayu.

Ramuan : Campuran bahan-bahan tertentu untuk dijadikan ubat. Ramuan tradisional terdiri daripada daun-daun dan akar kayu.

Pengisytiharan : Pernyataan. Contohnya pada 31 Ogos 1957, orang ramai membanjiri Stadium Merdeka untuk mendengar pengisytiharan kemerdekaan.

Tamu : Pekan sehari. Tamu di Sabah ketika dahulu memberi peluang kepada rakyat menjual hasil lautan.

Konsesi : Memberi keizinan kepada pihak tertentu menggunakan kawasan untuk kegiatan. Contohnya sebuah syarikat telah diberi konsesi kawasan balak.

Pelosok : Kawasan ceruk. Contohnya risalah berjimat-cermat diedarkan ke seluruh pelosok kampung untuk menyedarkan rakyat.

Strategik : Kedudukan yang sangat baik. Contohnya kedudukan Melaka yang sangat strategik menyebabkan ramai pedagang datang bermiaga.

Peneroka : Orang yang buka kawasan baru untuk dijadikan ladang. Ada juga menjadikan kawasan baru itu kampung dan sawah. FELDA adalah salah satu agensi membantu rakyat menjalankan kegiatan penerokaan.

Seiring : Bergerak secara serentak atau bersama-sama.

Monopoli : Penguasaan ke atas sesuatu seperti pengeluaran barang tertentu. Biasanya kegiatan monopoli hanya memberi keuntungan kepada satu pihak sahaja.

SOALAN

1. Kenapa Melaka maju sebagai sebuah pusat perdagangan?
2. Terangkan peringkat bagaimana padi ditanam sehingga boleh dituai.
3. Kenapakah orang Cina berminat berhijrah ke Tanah Melayu?
4. Terangkan dua cara buruh India dibawa masuk ke Tanah Melayu.
5. Apakah kegiatan ekonomi masyarakat Murut di Sabah?
6. Bagaimanakah terbentuknya masyarakat majmuk di Tanah Melayu?
7. Apakah peranan yang dimainkan oleh FELDA?
8. Apakah tujuan Bilik Gerakan Negara ditubuhkan?